

SULIT

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



JABATAN PELAJARAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

**Pra- UPSR SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH NEGERI SEMBILAN
2011**

BAHASA MELAYU – PENULISAN

012

Julai

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor surat beranak dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.*
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa :		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebuah warung di tepi jalan

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



Bahagian B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada **80 patah perkataan**.

1. Kamu telah menyaksikan satu pesta.

Ceritakan pengalaman kamu sepanjang pesta itu.

ATAU

2. Kamu telah mengikut satu lawatan yang dianjurkan oleh sekolah kamu.

Tulis catatan tentang lawatan tersebut.

ATAU

3. Kamu telah berbual-bual dengan seorang rakan kamu. Perkara yang dibualkan ialah tentang pentingnya menjaga kebersihan kawasan kantin.

Tulis perbualan itu selengkapnya.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

KUALA PILAH, 21 JULAI – Kejadian ragut yang dialami oleh Halimah, 36, tidak mungkin dapat dilupai. Kejadian yang berlaku, benar-benar menyedarkannya. Halimah mengakui bahawa kejadian itu berpunca daripada kecuaiannya. Jika dia tidak meletakkan beg tangan di dalam bakul motosikal, sudah tentu kejadian itu tidak berlaku.

Kejadian itu begitu pantas. “Sedar-sedar saya sudah terlantar di hospital,” ujarnya yang sempat ditemui di Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah. Dia bernasib baik kerana seorang pemuda Tionghua yang hanya mahu dikenali sebagai Chong, 25, telah membantu Halimah yang terjatuh setelah motosikalnya ditendang oleh peragut. Chong yang sempat ditemui memberitahu bahawa kita sebagai ahli masyarakat perlu saling membantu.

Peragut tersebut telah berjaya diberkas dengan bantuan orang ramai yang melihat kejadian itu. Halimah yang cedera telah dikejarkan ke Hospital Tuanku Najihah oleh Chong. Halimah berhasrat bertemu dengan Chong untuk mengucapkan terima kasih.

Halimah bernasib baik kerana masih hidup. Kalau tidak siapalah yang akan menjaga empat orang anaknya yang masih kecil. Tambahan pula, dia seorang ibu tunggal. ASP Khairuddin Abas dari Ibu Pejabat Polis Daerah menjelaskan bahawa kejadian ragut yang dialami oleh Halimah merupakan kejadian yang pertama berlaku di sini. Beliau menyeru orang ramai khususnya kaum wanita supaya tidak bimbang untuk ke pekan kerana pihak polis akan sentiasa membuat rondaan untuk memastikan orang awam sentiasa selamat.

Bahagian C

012 @ 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan DK